



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN CUKAI PELABURAN –
KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SEKTOR PERKILANGAN**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2024

TARIKH PENERBITAN: 24 JANUARI 2024



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN CUKAI PELABURAN –
KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SEKTOR PERKILANGAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2024
Tarikh Penerbitan: 24 Januari 2024**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2024 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN CUKAI PELABURAN –
KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SEKTOR PERKILANGAN**

**Ketetapan Umum No. 1/2024
Tarikh Penerbitan: 24 Januari 2024**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	2
4. Pengenalan	3
5. Keluaran Digalakkan di bawah Sektor Perkilangan	3
6. Elaun Cukai Pelaburan	6
7. Perbelanjaan Yang Layak bagi Elaun Cukai Pelaburan	9
8. Layanan Percukaian bagi Elaun Cukai Pelaburan	9
9. Penafian	14
LAMPIRAN 1	15
LAMPIRAN 2	22
LAMPIRAN 3	24
LAMPIRAN 4	27
LAMPIRAN 5	28

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Ketetapan Umum (KU) ini memberi penjelasan berkenaan elaun cukai pelaburan yang boleh dipohon oleh syarikat yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai suatu perniagaan di dalam sektor perkilangan berhubung dengan pengeluaran suatu keluaran digalakkan di Malaysia yang disenaraikan, pelaburan semula dalam industri tertentu dan industri terpilih, serta bagi syarikat berteknologi tinggi dan syarikat kecil-kecilan.

Penjelasan di dalam KU ini tidak meliputi pengeluaran keluaran digalakkan di bawah peruntukan seksyen 4A, 4B dan 4E Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 (APP).

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1. KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini ialah seksyen 2, 8, 42 dan Jadual 3.
- 2.3. Peruntukan kepada APP yang berkaitan dengan KU ini ialah seksyen 2, 4, 4D, 4F, 26, 26F, 26I, 26K, 27, 27F, 27I, 27K, 27P, 28, 28A, 29, 29A, 29AA, 29G, 29J, 29L, 29Q, 29R, 30A dan 43A.
- 2.4. Perundangan subsidiari berkaitan ialah—
 - (a) Perintah Penggalakan Pelaburan (Pengisytiharan Wang Pemegang Syer Berhubungan Dengan Syarikat Kecil-kecilan di bawah Seksyen 2) 1989 [*P.U.(A) 83/1989*];
 - (b) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) 2012 [*P.U.(A) 59/2012*];
 - (c) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Industri Terpilih) 2012 [*P.U.(A) 60/2012*];
 - (d) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Pelaburan Semula) 2012 [*P.U.(A) 61/2012*];
 - (e) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan) 2012 [*P.U.(A) 62/2012*];
 - (f) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) 2012 [*P.U.(A) 63/2012*];

- (g) Perintah Penggalakan Pelaburan (Perisytiharan Wang Pemegang Syer Berhubungan Dengan Syarikat Kecil di Bawah Seksyen 2) (Pindaan) 2013 [*P.U.(A) 140/2013*]; dan
- (h) Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) (Pindaan) 2018 [*P.U.(A) 336/2018*].

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aktiviti digalakkan” bermaksud suatu aktiviti pengilangan, pertanian, pertanian bersepadu, hotel, pelancongan atau aktiviti perindustrian atau komersial lain yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 4 dan termasuk aktiviti yang disebut dalam seksyen 4A, 4B, 4D, 4E, 4F atau subseksyen 5(1A) APP.
- 3.2 “Aktiviti pertanian bersepadu” bermaksud suatu aktiviti yang terdiri daripada pengeluaran hasil pertanian dan pengilangan hasil itu dan termasuklah apa-apa aktiviti yang berkaitan dan bersampingan dengan aktiviti itu.
- 3.3 “Dilakukan” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 ACP.
- 3.4 “Keluaran digalakkan” bermaksud apa-apa keluaran yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 4 dan termasuk keluaran yang disebut dalam seksyen 4A, 4B, 4D, 4E, 4F atau subseksyen 5(1A) APP.
- 3.5 “Menteri”, kecuali di mana terdapatnya sebutan khusus kepada Menteri Kewangan, bermaksud Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
- 3.6 “Pendapatan berkanun” berhubung dengan suatu orang, suatu punca dan suatu tahun taksiran (TT), bermaksud pendapatan berkanun yang ditentukan mengikut seksyen 42 ACP.
- 3.7 “Syarikat” bermaksud suatu syarikat—
 - (a) yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]; dan
 - (b) yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi TT.
- 3.8 “Syarikat berkaitan” mempunyai maksud yang sama yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) APP.
- 3.9 “Tahun asas” bagi sesuatu TT bermaksud tahun kalendar yang berbetulan dengan TT.

- 3.10 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.11 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, suatu puncanya dan suatu TT, bermaksud tempoh asas, sekiranya ada, seperti yang ditentukan di bawah seksyen 21 atau seksyen 21A ACP.

4. Pengenalan

Syarikat dalam sektor perkilangan yang menyertai atau berhasrat untuk menyertai dalam mengeluarkan suatu keluaran digalakkan di Malaysia boleh membuat permohonan kepada Menteri untuk menikmati elaun cukai pelaburan. Elaun cukai pelaburan adalah galakan cukai yang diberikan dalam bentuk potongan cukai (elaun) ke atas perbelanjaan yang layak (PYL) yang dilakukan oleh syarikat perkilangan dalam suatu tempoh asas bagi suatu TT bagi tujuan mengeluarkan suatu keluaran digalakkan. Biasanya syarikat akan mengeluarkan perbelanjaan modal yang besar dalam menyediakan aktiviti pengeluaran/pengilangan keluaran yang digalakkan tersebut. Oleh itu, semakin besar perbelanjaan modal yang dilakukan, semakin besar jumlah elaun cukai pelaburan yang boleh dituntut oleh syarikat, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi setiap kategori elaun cukai pelaburan yang diluluskan.

5. Keluaran Digalakkan di bawah Sektor Perkilangan

Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, akan menentukan keluaran digalakkan dari semasa ke semasa bagi tujuan galakan elaun cukai pelaburan. Senarai keluaran digalakkan di bawah sektor perkilangan telah diterbitkan melalui beberapa pewartaan perundangan subsidiari. Keluaran yang mempunyai kepentingan nasional dan strategik juga boleh ditentukan secara kes demi kes sebagai keluaran digalakkan.

5.1. Keluaran Digalakkan di bawah Senarai Umum

Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan di bawah senarai umum telah diwartakan dalam Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan) 2012 [P.U.(A) 62/2012]. Keluaran digalakkan bagi sektor perkilangan adalah seperti di Lampiran 1 (Keluaran Digalakkan di bawah Senarai Umum bagi Sektor Perkilangan).

5.2. Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi

5.2.1. Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) 2012 [P.U.(A) 59/2012] menyenaraikan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat berteknologi tinggi. Senarai di Lampiran 2 (Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi di bawah sektor Perkilangan) merupakan keluaran digalakkan yang boleh dimohon oleh syarikat berteknologi tinggi dalam sektor perkilangan.

- 5.2.2. “Syarikat berteknologi tinggi” yang layak memohon elaun cukai pelaburan kategori ini adalah suatu syarikat yang terlibat dalam aktiviti digalakkan atau dalam pengeluaran keluaran digalakkan dalam bidang teknologi yang baharu dan memuncul.
- 5.2.3. Royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak harta intelek (IP) tidak boleh dimasukkan dalam skop galakan elaun cukai pelaburan syarikat berteknologi tinggi bagi mematuhi kehendak *Forum on Harmful Tax Practices* (FHTP). Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berteknologi Tinggi) (Pindaan) 2018 [P.U.(A) 336/2018] yang meminda P.U.(A) 59/2012 telah diwartakan bagi tujuan ini. Langkah ini diambil bagi memenuhi komitmen Malaysia sebagai ahli sekutu *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) di bawah *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).
- 5.2.4. Syarikat berteknologi tinggi yang telah diberi kelulusan elaun cukai pelaburan dikehendaki mengeluarkan pendapatan IP dalam pengiraan tuntutan elaun cukai pelaburan. Akaun berasingan hendaklah disimpan bagi pendapatan hak IP tersebut. Tarikh permulaan kuat kuasa pendapatan hak IP dikeluarkan daripada skop galakan elaun cukai pelaburan syarikat berteknologi tinggi adalah seperti berikut:
- (a) Berkuat kuasa mulai 1 Julai 2018 sehingga 30 Jun 2021
- Royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak IP baharu (bukan daripada hak IP sedia ada) yang dimiliki oleh syarikat berteknologi tinggi atau di mana syarikat berteknologi tinggi merupakan pemegang lesen hak IP itu, dikeluarkan.
- (b) Berkuat kuasa pada atau selepas 1 Julai 2021
- Royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada semua hak IP yang dimiliki oleh syarikat berteknologi tinggi atau di mana syarikat berteknologi tinggi merupakan pemegang lesen hak IP itu, dikeluarkan.
- 5.2.5. Penjelasan istilah yang digunakan di dalam perenggan 5.2.4 adalah seperti berikut:
- (a) “Royalti atau pendapatan lain diperoleh daripada hak IP” adalah royalti atau pendapatan lain diterima sebagai balasan kepada pengeksploitasian komersial hak IP tersebut.

- (b) “Hak harta intelek” bermaksud suatu hak yang timbul daripada apa-apa paten, penemuan dan inovasi utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, kepandaian dan proses atau formula rahsia, petunjuk geografi dan pemberian geran perlindungan varieti tumbuhan, atau hak-hak lain yang serupa, sama ada yang berdaftar atau boleh daftar.
- (c) “Hak harta intelek sedia ada” bermaksud suatu hak IP yang berhubungan dengan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan dalam Jadual Pertama kepada P.U.(A) 59/2012, yang suatu syarikat berteknologi tinggi menjadi pemilik atau pemegang lesennya sebelum 1 Julai 2018, dan bukan hak IP yang baharu.
- (d) “Hak harta intelek yang baharu” bermaksud suatu hak IP yang berhubungan aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi suatu syarikat berteknologi tinggi –
 - (i) yang syarikat berteknologi tinggi itu menjadi pemilik atau pemegang lesen hak itu pada atau selepas 1 Julai 2018; atau
 - (ii) yang syarikat berteknologi tinggi itu menjadi pemilik atau pemegang lesen hak itu selepas 16 Oktober 2017 tetapi sebelum 1 Julai 2018 hasil daripada suatu pemerolehan oleh syarikat berteknologi tinggi itu, secara langsung atau tidak langsung, daripada suatu syarikat berkaitan, yang tujuan utama atau salah satu tujuan utama pemerolehan itu adalah bagi mengelak cukai pendapatan di Malaysia atau tempat lain.

5.3. Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan

- 5.3.1. Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat kecil telah diwartakan dalam Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Kecil-kecilan) 2012 [*P.U.(A) 63/2012*]. Senarai keluaran digalakkan bagi syarikat kecil yang terlibat dengan sektor perkilangan boleh dirujuk dalam Lampiran 3 (Keluaran Digalakkan bagi Syarikat Berskala Kecil di bawah Sektor Perkilangan).
- 5.3.2. Syarikat kecil yang layak memohon galakan ini hendaklah memenuhi maksud “syarikat kecil” yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2(1) APP iaitu, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya, ertinya suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di Malaysia menurut Akta Syarikat 2016 [Akta 777]; dan

(b) yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi sesuatu TT,

yang wang pemegang syernya pada tarikh pemberian taraf perintis dan pengeluaran perakuan perintis tidak melebihi suatu amaun yang diisytiharkan dalam Perintah Penggalakan Pelaburan (Perisytiharan Wang Pemegang Syer Berhubungan Dengan Syarikat Kecil di Bawah Seksyen 2) (Pindaan) 2013 [P.U.(A) 140/2013].

5.4. Keluaran Digalakkan di bawah Industri Terpilih

Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat yang terlibat dalam industri terpilih telah diwartakan di dalam Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Industri Terpilih) 2012 [P.U.(A) 60/2012]. Keluaran digalakkan bagi sektor perkilangan adalah seperti di Lampiran 4 (Keluaran Digalakkan bagi Industri Terpilih di bawah Sektor Perkilangan).

5.5. Keluaran Digalakkan bagi Pelaburan Semula

5.5.1. Senarai aktiviti digalakkan dan keluaran digalakkan bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pelaburan semula telah diwartakan dalam Perintah Penggalakan Pelaburan (Aktiviti Digalakkan dan Keluaran Digalakkan bagi Pelaburan Semula) 2012 [P.U.(A) 61/2012], dan boleh dirujuk dalam Lampiran 5 (Keluaran Digalakkan bagi Pelaburan Semula di bawah Sektor Perkilangan).

5.5.2. “Pelaburan semula” bermaksud, berhubung dengan aktiviti perkilangan, perbelanjaan modal yang dilakukan di Malaysia sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 29(7)(a) dan subseksyen 29(8) kepada APP bagi maksud pengembangan, pemodenan atau automasi kemudahan pengeluaran bagi aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama.

6. Elaun Cukai Pelaburan

6.1. Permohonan dan Kelulusan Elaun Cukai Pelaburan

6.1.1. Mana-mana syarikat pengilangan yang mengambil bahagian atau bercadang untuk mengambil bahagian di Malaysia dalam pengeluaran keluaran digalakkan boleh mengemukakan permohonan secara bertulis untuk mendapatkan kelulusan elaun cukai pelaburan daripada Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan. Surat kelulusan elaun cukai pelaburan dikeluarkan kepada permohonan

yang berjaya dengan menyatakan syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh syarikat sepanjang tempoh galakan.

- 6.1.2. Penjelasan berkenaan permohonan dan kelulusan elaun cukai pelaburan boleh dirujuk dalam Ketetapan Umum No. 4/2023 bertajuk Elaun Cukai Pelaburan – Gambaran Keseluruhan yang boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

6.2. Syarat -syarat Kelulusan Elaun Cukai Pelaburan

Elaun cukai pelaburan yang diluluskan oleh Menteri adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang munasabah, term-asuk syarat untuk menyimpan akaun berasingan, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan. Syarat-syarat ini dinyatakan dalam surat kelulusan elaun cukai pelaburan, dan syarikat hendaklah mematuhi syarat-syarat tersebut sepanjang tempoh galakan. Tuntutan elaun cukai pelaburan hanya boleh dibuat setelah surat pengesahan pematuhan syarat-syarat kelulusan elaun cukai pelaburan dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

6.3. Kadar Elaun Cukai Pelaburan, Kadar Pendapatan Berkanun Dikecualikan dan Tempoh Galakan Berdasarkan Senarai Keluaran Digalakkan

- 6.3.1. Galakan elaun cukai pelaburan yang diluluskan akan menyatakan kadar elaun cukai pelaburan atas PYL, kadar pendapatan berkanun perniagaan berkenaan keluaran yang digalakan yang boleh ditolak dengan elaun cukai pelaburan dan tempoh galakan bagi syarikat yang diluluskan untuk melakukan PYL.
- 6.3.2. Kadar elaun cukai pelaburan yang diberikan atas PYL yang dilakukan, kadar pendapatan berkanun yang dikecualikan dan tempoh galakan berdasarkan senarai keluaran digalakkan diringkaskan dalam jadual di bawah.

**Kadar Elaun Cukai Pelaburan dan Kadar Pendapatan Berkanun
Dikecualikan**

Keluaran Digalakkan	Elaun Cukai Pelaburan		
	Kadar Elaun Cukai Pelaburan atas Perbelanjaan Yang Layak (%)	Kadar Pendapatan Berkannun Dikecualikan (%)	Tempoh Galakan (Bilangan Tahun)
Senarai Umum	60	70	5 + 5 ¹
Syarikat berteknologi tinggi	60	100	5
Syarikat kecil-kecilan	60	100	5
Industri terpilih	100	100	5
Pelaburan Semula			
Biojisim Kelapa Sawit	100	100	5
Berasaskan Sumber	60	70	5

Nota:

¹Tambahan tempoh lima (5) tahun dari tarikh kuat kuasa yang ditentukan Menteri, iaitu suatu tarikh dalam tempoh atau selepas lima (5) tahun diberikan kepada syarikat pengilang di Malaysia yang telah diberikan elaun cukai pelaburan berkaitan aktiviti pertanian bersepadu.

6.4. Penarikan Balik dan Penyerahan Kelulusan Elaun Cukai Pelaburan

- 6.4.1. Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, boleh menarik balik kelulusan elaun cukai pelaburan ke atas mana-mana syarikat yang didapati gagal mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan dalam surat kelulusan.
- 6.4.2. Mana-mana syarikat yang telah diluluskan dengan elaun cukai pelaburan boleh menyerah kelulusan elaun cukai pelaburan tersebut pada bila-bila masa atas apa-apa sebab melainkan bagi maksud membuat permohonan untuk galakan taraf perintis untuk keluaran digalakkan yang sama, tertakluk kelulusan Menteri, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan.
- 6.4.3. Penjelasan berkenaan penarikan balik dan penyerahan kelulusan elaun cukai pelaburan boleh dirujuk dalam Ketetapan Umum No. 4/2023 bertajuk Elaun Cukai Pelaburan – Gambaran Keseluruhan

yang boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

7. Perbelanjaan Yang Layak bagi Elaun Cukai Pelaburan

- 7.1. PYL bagi tujuan elaun cukai pelaburan untuk keluaran digalakkan di bawah sektor perkilangan adalah perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas kilang atau apa-apa loji dan jentera yang digunakan di Malaysia berkaitan dengan dan bagi maksud keluaran digalakkan.
- 7.2. PYL tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan atas bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal, loji dan jentera di mana bangunan, loji atau jentera itu diperuntukkan keseluruhannya atau sebahagiannya untuk kegunaan pengarah-pengarah atau orang perseorangan yang menjadi ahli pihak pengurusan, pentadbiran atau kakitangan perkeranian.
- 7.3. Amaun elaun cukai pelaburan yang diberikan dalam mana-mana TT akan bergantung kepada PYL yang dilakukan oleh syarikat berkenaan dengan keluaran digalakkan. Di bawah seksyen 2 APP, istilah "dilakukan" mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 ACP.
- 7.4. Ketetapan Umum No. 4/2023 bertajuk Elaun Cukai Pelaburan – Gambaran Keseluruhan boleh dirujuk bagi penjelasan terperinci berkaitan PYL dan perbelanjaan modal yang tidak layak bagi tujuan elaun cukai pelaburan. KU ini boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

8. Layanan Cukai bagi Elaun Cukai Pelaburan

- 8.1. Sebuah syarikat yang telah diberi kelulusan elaun cukai pelaburan layak menuntut elaun cukai pelaburan pada kadar yang diluluskan iaitu 60% atau 100% daripada PYL yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu TT bagi perniagaan suatu keluaran digalakkan.
- 8.2. Elaun cukai pelaburan tersebut adalah PYL yang dilakukan oleh syarikat dalam tempoh galakan lima (5) tahun bermula dari tarikh kuat kuasa galakan yang diluluskan. Tarikh kuat kuasa galakan merujuk kepada tarikh PYL yang dilakukan oleh syarikat bagi tujuan elaun cukai pelaburan yang diluluskan dan tidak boleh melebihi tiga (3) tahun lebih awal daripada tarikh permohonan elaun cukai pelaburan dibuat.
- 8.3. Syarikat boleh membuat tuntutan pengecualian cukai pendapatan dengan menggunakan elaun cukai pelaburan yang diberi untuk menolak sehingga 70% atau 100% pendapatan berkanun daripada perniagaan suatu keluaran digalakkan.

- 8.4. Dalam keadaan elaun cukai pelaburan tidak digunakan sepenuhnya untuk ditolak daripada pendapatan berkanun, amaun elaun cukai pelaburan yang tidak digunakan tersebut boleh dibawa ke hadapan ke TT berikutnya untuk ditolak daripada pendapatan berkanun perniagaan suatu keluaran digalakkan yang sama sehingga keseluruhan tuntutan elaun cukai pelaburan digunakan sepenuhnya.
- 8.5. Penjelasan lanjut berkenaan layanan percukaian elaun cukai pelaburan boleh dirujuk dalam Ketetapan Umum No. 4/2023 bertajuk Elaun Cukai Pelaburan – Gambaran Keseluruhan yang boleh didapati di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

Contoh 1

Kayu Kayan Sdn Bhd (KKSb) adalah syarikat pengilang kayu dan menutup akaun kewangan pada 31 Disember setiap tahun. KKSb telah diluluskan elaun cukai pelaburan bagi tempoh lima (5) tahun untuk mengeluarkan keluaran A, produk berasaskan kayu yang merupakan keluaran digalakkan di bawah senarai umum. Kadar elaun cukai pelaburan di bawah senarai umum adalah 60% dan boleh ditolak daripada 70% pendapatan berkanun. Tarikh kuat kuasa elaun cukai pelaburan telah ditentukan bermula pada 15 Februari 2020.

Perbelanjaan modal yang dilakukan oleh KKSb untuk Keluaran A adalah seperti berikut:

Butiran	Tarikh Pembelian	Kos Pembelian
Mesin P	15 Februari 2020	1,000,000 ²
Mesin Q	1 November 2021	4,000,000 ³
Mesin R	1 Jun 2022	2,000,000 ⁴

KKSb memulakan pengeluaran Keluaran A pada 7 Januari 2023. Pihak MIDA mengesahkan di dalam surat bertarikh 1 Oktober 2023 bahawa KKSb telah mematuhi semua syarat kelulusan elaun cukai pelaburan pada 1 September 2023. Butiran pendapatan berkanun Keluaran A adalah seperti berikut –

TT	Pendapatan Berkanun Keluaran A (RM)
2023	600,000 ⁵
2024	2,500,000 ⁶

Kadar elaun cukai pelaburan yang diberikan adalah 60% daripada PYL yang dilakukan oleh KKSb berkaitan Keluaran A dalam tempoh lima (5) tahun bermula dari

15 Februari 2020 hingga 14 Februari 2025. Pengiraan elaun cukai pelaburan pada kadar 60% daripada PYL yang dilakukan adalah seperti berikut:

Pengiraan Elaun Cukai Pelaburan Keluaran A

TT	Perbelanjaan Yang Layak (RM) A	Elaun Cukai Pelaburan (RM) (A x 60%)
2023	7,000,000 (1,000,000 ² + 4,000,000 ³ + 2,000,000 ⁴)	4,200,000 ⁷

Nota:

²Perbelanjaan modal bagi Mesin P, Q dan R berjumlah RM7,000,000 adalah PYL walaupun ia dilakukan sebelum KKSB memulakan pengeluaran. PYL bagi Mesin P, Q dan R dianggap dilakukan pada 7 Januari 2023 di mana semua mesin tersebut telah sedia digunakan bagi tujuan perniagaan keluaran digalakkan yang diluluskan.

Elaun cukai pelaburan akan ditolak daripada 70% pendapatan berkanun KKSB berkaitan keluaran A mulai TT 2023. Pengiraan pendapatan boleh dikenakan cukai bagi Keluaran A adalah seperti berikut –

Pengiraan Pendapatan Boleh Dikenakan Cukai Keluaran A bagi TT 2023

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun Keluaran A		600,000 ⁵
Tolak : Elaun Cukai Pelaburan		
Elaun cukai pelaburan tahun semasa	4,200,000 ⁷	
Elaun cukai pelaburan digunakan (terhad kepada 70% pendapatan berkanun)	(420,000)	(420,000)
Elaun cukai pelaburan tidak digunakan dihantar hadapan	3,780,000 ⁸	
Pendapatan bercukai		180,000

Pengiraan Pendapatan Boleh Dikenakan Cukai Keluaran A bagi TT 2024

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun Keluaran A		2,500,000 ⁶
Tolak: Elaun Cukai Pelaburan		
Elaun cukai pelaburan tidak digunakan dibawa hadapan	3,780,000 ⁸	
Elaun cukai pelaburan digunakan (terhad kepada 70% pendapatan berkanun)	(1,750,000)	(1,750,000)
Elaun cukai pelaburan tidak digunakan dihantar hadapan	2,030,000 ⁹	
Pendapatan bercukai		750,000

Nota:

⁹Elaun cukai pelaburan yang tidak digunakan sebanyak RM2,030,000 boleh dihantar ke tahun-tahun taksiran berikutnya, untuk ditolak sehingga 70% pendapatan berkanun keluaran A sehingga elaun cukai pelaburan tersebut digunakan sepenuhnya.

Contoh 2

Fakta adalah sama dengan Contoh 1.

KKSB merancang untuk membesarkan kapasiti pengeluaran Keluaran A bagi memenuhi peningkatan dalam permintaan. KKSB memohon untuk elaun cukai pelaburan bagi pelaburan semula pada 20 Februari 2025, iatu selepas tamat tempoh elaun cukai pelaburan terdahulu. Kelulusan elaun cukai pelaburan telah diterima pada 10 April 2025. Tempoh galakan elaun cukai pelaburan bagi pelaburan semula adalah lima (5) tahun dan telah ditetapkan berkuat kuasa mulai dari 15 Mac 2025 sehingga 14 Mac 2030.

KKSB telah disahkan mematuhi syarat kelulusan elaun cukai pelaburan bagi pelaburan semula pada 30 September 2025 oleh MIDA seperti dinyatakan dalam surat bertarikh 1 Disember 2025.

Pendapatan berkanun Keluaran A bagi TT 2025 adalah RM 2,700,000¹⁰. Elaun cukai pelaburan tidak digunakan dan dibawa hadapan dari TT 2024 adalah RM2,030,000⁹.

Perbelanjaan modal yang dilakukan oleh KKSB bagi pelaburan semula Keluaran A adalah seperti berikut –

Butiran	Tarikh Pembelian	Kos Pembelian
Mesin S	15 Mac 2025	500,000
Mesin T	10 Mei 2025	1,600,000

Pengiraan elaun cukai pelaburan bagi pelaburan semula pada kadar 60% atas PYL yang dilakukan adalah seperti berikut:

Pengiraan Elaun Cukai Pelaburan (Pelaburan Semula) Keluaran A

TT	Perbelanjaan Yang Layak Dilakukan (RM) A	Elaun Cukai Pelaburan (RM) (A x 60%)
2025	2,100,000	1,260,000 ¹¹

Elaun cukai pelaburan bagi pelaburan semula akan ditolak daripada sehingga 70% pendapatan berkanun keluaran A KKSB mulai TT 2025. Pengiraan pendapatan boleh dikenakan cukai bagi Keluaran A adalah seperti berikut –

Pengiraan Pendapatan Boleh Dikenakan Cukai Keluaran A bagi TT 2025

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun Keluaran A		2,700,000 ¹⁰
Tolak: Elaun Cukai Pelaburan		
Elaun cukai pelaburan tidak digunakan dibawa hadapan	2,030,000 ⁹	
Elaun cukai pelaburan tahun semasa	1,260,000 ¹¹	
	3,290,000	
Elaun cukai pelaburan digunakan dalam TT 2025 (terhad kepada 70% pendapatan berkanun)	(1,890,000)	(1,890,000)
Elaun cukai pelaburan tidak digunakan dihantar hadapan	1,400,000 ¹²	
Pendapatan bercukai		810,000

Nota:

¹²Elaun cukai pelaburan yang tidak digunakan sebanyak RM1,400,000 boleh dihantar ke tahun-tahun taksiran berikutnya, untuk ditolak sehingga 70%

pendapatan berkanun keluaran A sehingga elaun cukai pelaburan tersebut digunakan sepenuhnya.

9. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LAMPIRAN 1

**KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SENARAI UMUM BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
(A) Pemprosesan hasil pertanian	(1) Coklat dan konfeksionari coklat (2) Sayur - sayuran umbi atau akar dan buah – buahan (3) Keluaran ternakan (4) Sisa pertanian atau keluaran sampingan pertanian (5) Keluaran hidupan air (6) Makanan akuakultur (7) Ekstrak tumbuhan untuk industri farmaseutikal, minyak wangi, kosmetik atau makanan dan minyak pati (8) Makanan tambahan (9) Bahan tambahan, perisa, pewarna dan ramuan makanan berfungsi
(B) Pengilangan keluaran getah	(1) Tayar untuk jentolak, kenderaan pertanian, kenderaan perindustrian, kenderaan perdagangan, motosikal dan kapal terbang (2) Keluaran lateks: Sarung tangan keselamatan atau sarung tangan fungsi khas (3) Keluaran getah kering: (a) Tali sawat (b) Hos, paip dan tiub (c) Profil getah (d) Penedap, gasket, sesendal, pemadat, cecincin dan lapik getah (e) Keluaran anti-gegaran, keluaran penebat lembapan dan bunyi
(C) Pengilangan, keluaran minyak kelapa sawit dan terbitannya	(1) Oleokimia atau terbitan atau penyediaannya (2) Nutraseutikal berasaskan kelapa sawit, kandungan minyak kelapa sawit atau minyak isirung kelapa sawit

LAMPIRAN 1

**KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SENARAI UMUM BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
	(3) Keluaran makanan berasaskan keluaran kelapa sawit dan bahan-bahan berasaskan kelapa sawit: (a) Pengganti khas lemak haiwan (b) Mayonis dan sos salad berasaskan kelapa sawit (c) Pengganti santan atau serbuk kelapa (d) Minyak sawit merah dan keluaran berkaitan dengan minyak sawit merah (e) Ramuan makanan berasaskan kelapa sawit (f) Keluaran minyak kelapa sawit dan minyak isirung kelapa sawit diubah suai (g) Marjerin, vanaspati, lemak atau keluaran lemak lain yang dikilangkan (h) Pengganti, gantian atau penyamaan mentega koko, pecahan pertengahan kelapa sawit atau olein khas (4) Keluaran diproses daripada: (a) Kerak isirung kelapa sawit (b) Sisa buangan kilang minyak kelapa sawit (c) Biojisim kelapa sawit
(D) Pengilangan kimia dan petrokimia	(1) Terbitan atau penyediaan kimia daripada sumber organik atau bukan organik (2) Keluaran petrokimia
(E) Pengilangan, keluaran farmaseutikal dan keluaran berkaitannya	(1) Farmaseutikal atau Biofarmaseutikal (2) Nutraseutikal (3) Mikrobial dan probiotik
(F) Pengilangan keluaran berasaskan kayu	(1) Reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran perabot kayu (2) Keluaran kayu tereka bentuk tidak termasuk papan lapis

LAMPIRAN 1

**KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SENARAI UMUM BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
(G) Pengilangan palpa, kertas dan papan kertas	Kertas tara beralun, testliner, atau kraftliner, kertas kraft dan papan kertas
(H) Pengilangan keluaran berasaskan kenaf	Keluaran berasaskan kenaf seperti makanan haiwan, partikel atau serat kenaf, panel kayu yang dibancuh semula atau keluaran (seperti papan partikel, papan serat bertekanan sederhana) dan keluaran beracuan
(I) Pengilangan tekstil dan keluaran tekstil	(1) Gentian asli atau tiruan (2) Benang gentian asli atau tiruan (3) Fabrik tenun (4) Fabrik kait (5) Fabrik bukan tenun (6) Kemasan fabrik seperti pelunturan, pewarnaan dan percetakan (7) Pakaian khusus (8) Tekstil teknikal atau tekstil fungsian dan keluaran tekstil
(J) Pengilangan keluaran berasaskan tanah liat, pasir dan galian bukan logam lain	(1) Alumina tinggi atau refaktori asas (2) Barang-barang makmal, kimia atau industri (3) Berlian tiruan (4) Kaca yang terhablur atau yang dibentuk seperti batu-bata, jubin, papak, ketulan, blok turap dan blok segiempat (5) Tanah liat galian boleh serap (6) Keluaran batu marmar dan granit (7) Panel, papan, jubin, blok atau barang yang serupa daripada gentian semula jadi dan gentian sintetik yang dicampur simen, plaster atau bahan pengikat mineral lain
(K) Pengilangan besi dan keluli	(1) Jongkong atau papak keluli (2) Bentuk atau keratan keluli dengan ketinggian melebihi 200mm

LAMPIRAN 1

**KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SENARAI UMUM BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
	(3) Plat, kepingan, gulungan, gegelung atau jalur keluli: (a) Gelek panas (b) Gelek sejuk atau laras sejuk (4) Paip keluli tidak berkelium (5) Feromangan, mangan silikon atau ferosilikon (6) Gulungan kepingan keluli bergalvani elektrolit
(L) Pengilangan logam bukan ferus dan keluarannya	(1) Jongkong asas, bilet atau papak logam bukan ferus selain logam timah (2) Palang, batang, bentuk atau keratin logam bukan ferus kecuali rod tembaga EC (3) Plat, kepingan, gulungan, gegelung atau jalur logam bukan ferus (4) Paip atau tiub logam bukan ferus (5) Panel komposit aluminium
(M) Pengilangan jentera dan komponen jentera	(1) Jentera atau peralatan khas bagi industri khusus (2) Jentera atau peralatan penjaan tenaga (3) Jentera atau peralatan perindustrian am (4) Modul bagi jentera atau peralatan dan bahagian atau komponen perindustrian (5) Jentera atau peralatan kerja logam (6) Menaik taraf atau pembaikpulihan jentera atau peralatan termasuk jentera berat
(N) Keluaran atau aktiviti sokongan	(1) Tuangan logam (2) Penempaan logam (3) Kejuruteraan permukaan (4) Pemesinan, jig dan lekapan (5) Acuan, perkakas dan <i>dies</i>
(O) Pengilangan keluaran elektrik dan elektronik dan komponen, bahagian-	(1) Semikonduktor: (a) Fabrikasi wafer (b) Pemasangan semi konduktor

LAMPIRAN 1

**KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SENARAI UMUM BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
bahagiannya dan perkhidmatan berkaitan	(c) Komponen dan bahagian semikonduktor: (i) Substrat termaju (ii) Bahan pateri (iii) Pad pengikat (d) Alatan semi konduktor: (i) Pembawa wafer (ii) Pembawa litar bersepadu (IC) (iii) <i>photomask and mask blank</i> (2) Keluaran paparan termaju dan bahagiannya: (a) Keluaran paparan termaju (b) Modul paparan termaju (c) Sistem pencahayaan latar (3) Keluaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), sistem atau peranti: (a) Keluaran atau peranti penumpuan digital (b) Sistem atau peranti penyimpanan data (4) Keluaran atau hebahan hiburan digital: (a) TV digital (b) Sistem teater rumah digital atau keluaran berkaitan (c) Audio atau video atau perakam imej atau pemain digital (5) Peralatan, sistem, peranti atau komponen optoelektronik (a) Peranti atau komponen fotonik (b) Peralatan, sistem, peranti atau komponen optoelektronik (c) Gentian optik atau keluaran gentian optik (6) Pengesan atau sistem keselamatan atau peranti elektronik (a) Peralatan atau sistem atau peranti sintesis bagi pengecaman suara atau corak atau penglihatan

LAMPIRAN 1

**KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SENARAI UMUM BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
	(b) Peralatan atau sistem atau peranti pengesan dan pandu arah elektronik (c) Sistem atau peranti pengenalanpastian frekuensi radio (RFID) (7) Komponen Elektronik (a) Papan litar bercetak berbilang lapis atau anjal (b) Penyambung termaju (8) Peralatan, keluaran, sistem, peranti atau komponen tenaga alternatif (a) Sel atau panel atau modul atau sistem solar (b) Sistem penyimpanan atau bateri boleh cas semula (c) Sel bahan api (9) Pencahayaan penjimatan tenaga (10) Keluaran elektrik: (a) Alat bekalan kuasa tanpa gangguan (b) Penyongsang atau pembalikan
(P) Pengilangan peralatan professional, perubatan, saintifik dan pengukuran atau bahagian - bahagiannya	(1) Peralatan atau kelengkapan dan bahagian atau komponen atau aksesori perubatan, pembedahan, pergigian atau veterinar (2) Peralatan atau radas untuk pengujian, penyukatan atau makmal
(Q) Pengilangan keluaran plastik	(1) Filem atau kepingan plastik khusus (2) Keluaran geosistem (3) Keluaran kejuruteraan plastik (4) Keluaran dibentuk di dalam persekitaran bilik bersih (5) Biopolimer atau keluaran berkaitan
(R) Kelengkapan dan peranti perlindungan	(1) Sarung tangan keselamatan disalut atau dikait (2) Kaca perlindungan balistik termaju

LAMPIRAN 1

**KELUARAN DIGALAKKAN DI BAWAH
SENARAI UMUM BAGI SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
	(3) Peralatan perlindungan jatuh
(S) Pelbagai	(1) Alat atau peralatan sukan (2) Barang kemas daripada logam berharga (3) Barang kemas tiruan (4) Keluaran pembungkusan dan peralatan rumah pakai buang boleh reput

LAMPIRAN 2

**KELUARAN DIGALAKKAN BAGI
SYARIKAT BERTEKNOLOGI TINGGI DI BAWAH SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
(A) Reka bentuk pembangunan dan pengilangan elektronik termaju dan perkomputeran	Reka bentuk, pembangunan dan pengilangan: (a) modul atau sistem kepadatan tinggi (b) paparan termaju (c) peranti semikonduktor termaju (d) penyambung termaju (e) peranti atau sistem penyimpanan data (f) substrat termaju (g) keluaran, sistem atau peranti telekomunikasi dan maklumat (h) keluaran atau hebahan hiburan digital (i) peralatan, sistem atau peranti optoelektronik (j) sistem atau peranti pengawasan dan keselamatan elektronik (k) sistem atau peranti mesin elektronik dan peralatan (l) komponen elektronik termaju
(B) Peranti professional, perubatan, saintifik dan pengukuran atau bahagiannya	Rekabentuk, pembangunan dan pengilangan: (a) kelengkapan, bahagian, atau komponen perubatan (b) implan perubatan, peranti perubatan, bahagian atau komponen (c) peralatan atau radas pengujian, pengukuran atau makmal
(C) Bioteknologi	Pembangunan, pengujian dan pengilangan: (a) farmaseutikal (b) kimia tulen (c) biodiagnostik
(D) Bahan – bahan termaju	(1) Pembangunan dan pengilangan: (a) polimer atau biopolimer (b) seramik halus atau seramik termaju (c) komposit kekuatan tinggi (2) Zarah nano dan formulasi berkaitannya

LAMPIRAN 2

**KELUARAN DIGALAKKAN BAGI
SYARIKAT BERTEKNOLOGI TINGGI DI BAWAH SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
(E) Teknologi tenaga alternatif	Rekabentuk, pembangunan dan pengilangan keluaran, peralatan, sistem, peranti atau komponen bagi kegunaan sektor tenaga alternatif
(F) Besi dan keluli	Wayar halus berdiameter 2.0mm dan ke bawah

LAMPIRAN 3

**KELUARAN DIGALAKKAN BAGI
SYARIKAT KECIL-KECILAN DI BAWAH SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
(A) Pemprosesan hasil pertanian	(1) Kopi (2) Teh (3) Buah-buahan (4) Sayur-sayuran (5) Herba atau rempah (6) Koko dan keluaran koko (7) Keluaran kelapa kecuali kelapa kering dan minyak kelapa mentah (8) Kanji dan keluaran kanji (9) Keluaran bijirin (10) Keluaran gula dan konfeksioneri (11) Ekstrak hasil tanaman (12) Keluaran apikultur (13) Ramuan makanan haiwan (14) Sisa dan keluaran sampingan pertanian
(B) Keluaran perhutanan	(1) Keluaran rotan (tidak termasuk batang, kulit dan serpihan daripada rotan) (2) Keluaran buluh (3) Keluaran perhutanan lain
(C) Pengilangan keluaran getah	(1) Keluaran getah dibentuk (2) Keluaran getah semperit (3) Keluaran getah am
(D) Pengilangan keluaran minyak kelapa sawit dan terbitannya	(1) Keluaran diproses daripada minyak kelapa sawit (2) Keluaran diproses daripada biojisim kelapa sawit atau sisa buangan atau keluaran sampingannya
(E) Pengilangan bahan kimia dan farmaseutikal	(1) Penyediaan, penyebaran dan penyalutan khusus pigmen (2) Bahan pengeringan (3) Bioresin (biopolimer) (4) Dakwat inkjet

LAMPIRAN 3

**KELUARAN DIGALAKKAN BAGI
SYARIKAT KECIL-KECILAN DI BAWAH SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
(F) Pengilangan kayu dan keluaran kayu	(1) Papan panel perhiasan (tidak termasuk papan lapis kosong) (2) Kayu kumai (3) Barang-barang pertukangan dan tanggam (4) Keluaran yang dihasilkan daripada penggunaan sisa kayu (contohnya arang yang diaktifkan, bahan penyala kayu dan serabut kayu tatal) (5) Perkakasan kayu isi rumah dan pejabat
(G) Pengilangan kertas dan keluaran papan kertas	Keluaran kertas dibentuk
(H) Pengilangan tekstil dan keluaran tekstil	(1) Batik atau songket atau pua (2) Aksesori untuk industri tekstil
(I) Pengilangan keluaran berasaskan tanah liat dan berasaskan pasir serta keluaran mineral bukan logam lain	(1) Barang-barang kesenian, perhiasan dan peralatan daripada tembikar dan kaca (2) Keluaranelas untuk pencanaian, penggilapan dan penajaman
(J) Pengilangan keluaran besi dan keluli, logam bukan ferus dan keluarannya	(1) Dawai dan keluaran dawai (2) Keluaran pasangsiap
(K) Keluaran dan perkhidmatan sokongan	(1) Pengecapan logam (2) Kedapan perindustrian atau bahan kedapan
(L) Pengilangan komponen, bahagian dan aksesori pengangkutan	Komponen, bahagian dan aksesori pengangkutan
(M) Pengilangan bahagian dan komponen bagi jentera dan peralatan	Bahagian dan komponen bagi jentera dan peralatan

LAMPIRAN 3

**KELUARAN DIGALAKKAN BAGI
SYARIKAT KECIL-KECILAN DI BAWAH SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran
(N) Pengilangan keluaran elektrik dan elektronik, komponen dan bahagian berkaitan	(1) Keluaran elektrik pengguna, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya (2) Keluaran elektronik pengguna, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya (3) Keluaran elektrik perindustrian, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya (4) Keluaran elektronik perindustrian, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya
(O) Pengilangan perabot, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya	Perabot, bahagian-bahagiannya dan komponen-komponennya
(P) Pengilangan alat permainan dan aksesori	Alat permainan dan aksesori
(Q) Pengilangan cenderamata	Cenderamata, hadiah dan hiasan
(R) Pengilangan keluaran plastik	(1) Panel hiasan dan perhiasan (2) Sebatian pembentukan pengkapsulan epoksi

LAMPIRAN 4

**KELUARAN DIGALAKKAN
BAGI INDUSTRI TERPILIH DI BAWAH SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran/Aktiviti
(A) Jentera dan peralatan	(1) Perkakas mesin (2) Peralatan pengendalian bahan (3) Peralatan automasi robotik dan kilang (4) Modul dan komponen bagi perkakas mesin, peralatan pengendalian bahan dan peralatan automasi robotik dan kilang
(B) Jentera dan peralatan khusus	(1) Jentera atau peralatan pemprosesan khusus untuk industri spesifik (2) Jentera pembungkusan (3) Modul dan komponen bagi jentera atau peralatan pemprosesan khusus untuk industri spesifik dan jentera pembungkusan
(C) Biojisim kelapa sawit	Penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah

LAMPIRAN 5

**KELUARAN DIGALAKKAN BAGI
PELABURAN SEMULA DI BAWAH SEKTOR PERKILANGAN**

Industri	Keluaran/Aktiviti
(A) Berasaskan sumber	(1) Getah (2) Kelapa Sawit (3) Kayu
(B) Pemprosesan makanan	Aktiviti pemprosesan makanan
(C) Biojisim kelapa sawit	Penggunaan biojisim kelapa sawit untuk mengeluarkan keluaran nilai ditambah